

Ancaman industri beracun

Kaji, tambah baik pengkelasan zon penampnan

Garis panduan kurang beri penekanan aspek keselamatan babit industri berat

Oleh Mohd Anwar Patho Rohman
wananwar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Garis panduan ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) bagi menentukan zon penampnan yang selamat di antara zon perindustrian dan perumahan wajar dikaji semula bagi mengurangkan risiko apabila berlaku pencemaran.

Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam, Ir Dr Zulkifli Abdul Rashid, berkata pengkelasan zon penampnan JAS tidak begitu relevan pada masa ini apabila kurang memberi penekanan aspek keselamatan, terutama apabila membabitkan industri berat.

Katanya, industri berat me-

rangkumi kilang yang operasinya terbabit dengan bahan kimia berbahaya mengikut kelas tertentu seperti mudah terbakar, meletup dan bertoksik.

"Ketika ini radius yang ditetapkan bagi industri berat tidak lebih 500 meter (m) dari kawasan penempatan. Bagi saya, jarak yang ideal antara satu hingga dua kilometer dari kawasan penempatan awam atau aktiviti manusia.

"Justeru, garis panduan bagi pengkelasan zon penampnan yang selamat bagi kawasan perindustrian dan perumahan wajar ditambah baik untuk mengurangkan risiko keracunan bila berlaku pencemaran," katanya kepada *BH*, semalam.

Dalam laporan eksklusif *BH* semalam mendedahkan sekurang-kurangnya 20 zon perindustrian diibarat menjadi 'bom jangka' yang mendedahkan penduduk kepada pencemaran, termasuk pelepasan gas beracun.

Mengikut peraturan JAS, terdapat tiga kategori pengkelasan industri iaitu industri ringan, sederhana dan berat.

Jarak selamat di antara satu kawasan penempatan dengan kawasan industri atau zon penampnan adalah 50m bagi industri ringan dengan jaluran tanaman

selebar 10m; 250m bagi industri sederhana dengan jaluran tanaman 20m dan 500m bagi industri berat dengan jaluran tanaman 30m.

Dr Zulkifli turut berkata, bagi mengurangkan lagi risiko kewujudan zon industri beracun, kerajaan perlu mensyarat atau menggalakkan syarikat industri menggunakan teknologi yang mesra alam, berasaskan teknologi hijau dan bersifat lestari iaitu kurang menyebabkan pencemaran.

Pendapat sama dikongsi Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman bahawa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan JAS perlu mengkaji semula jarak 500m bagi zon penampnan industri berat.

Katanya, PBT dan JAS perlu menilai lokasi kilang industri berat yang berisiko tinggi dengan zon penampnan dan kawasan penempatan.

"Jika industri berat terbabit terlalu berisiko, mungkin jarak zon penampnan perlu lebih jauh lagi atau dipindahkan jauh daripada kawasan penempatan," katanya.

Namun katanya, aspek paling penting dalam mengurangkan risiko pencemaran adalah

Eksklusif

KAWASAN INDUSTRI

JARAK IDEAL ZON PENAMPAN KAWASAN INDUSTRI DAN PENEMPATAN

memastikan penguatkuasaan dilaksanakan dengan tegas.

"Ini disusuli dengan meningkatkan pemantauan secara berterusan dan bukan menunggu sehingga bencana berlaku atau selepas menerima aduan daripada orang ramai, barulah hendak bertindak.

"Kerajaan negeri juga perlu bertegas dalam isu ini termasuk mewujudkan jawatankuasa khas mengkaji kelemahan garis panduan serta peruntukan undang-undang sedia ada," katanya.

Pensyarah Kanan, Jabatan

Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Mohammad Mujaheed Hassan, pula berkata, perancangan secara sistematik amat perlu bagi menentukan pecahan kawasan industri, zon penampnan dan kawasan penempatan di peringkat awal.

Katanya, PBT, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) dan JAS sepatutnya memikirkan secara sistematik bagaimana sesuatu kawasan itu patut dibangunkan secara lestari.

"Soalnya, kenapa pada peringkat awal lagi JPBD negeri membuat zon kawasan peruma-





Kawasan perindustrian yang berhampiran dengan penempatan di Klang.

(Foto Syarafiq Abd Samad/BH)

han bersebelahan dengan perindustrian? Jika sudah tahu hendak khaskan kawasan tanah yang luas untuk zon perindustrian, mengapa masih perlu letak zon perumahan di situ?

"Adakah PBT terlalu rakus hendak mengejar pembangunan sampai tidak meneliti secara lestari pembangunan di situ? Namun dalam isu ini, tidak boleh menyalahkan satu pihak sahaja.

"Sebabnya, ketika pelan merancang pembangunan dikemukakan, banyak jabatan dan agensi terbabit memberi pandangan dan kelulusan sebulat suara dibuat sebelum pelan dilulus atau diwartakan," katanya.



Kerajaan negeri juga perlu bertegas dalam isu ini, termasuk mewujudkan jawatankuasa khas mengkaji kelemahan garis panduan serta peruntukan undang-undang sedia ada.

Meor Razak Meor Abdul Rahman, Penyelidik Lapangan Sahabat Alam Malaysia

Kuala Lumpur: Beberapa kerajaan negeri menyatakan komitmen untuk mengekang pencemaran dengan memastikan setiap pembangunan kawasan industri mematuhi garis panduan zon penempatan yang ditetapkan.

Malah, ada kerajaan negeri bersedia mengambil tindakan tegas menghentikan operasi atau memindahkan kilang yang dikesan membuang sisa toksik.

Di **Georgetown**, kerajaan Pulau Pinang sentiasa memastikan setiap zon industri mematuhi garis panduan zon penempatan yang ditetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

EXCO Kebajikan, Alam Sekitar dan Masyarakat Penyayang negeri, Phee Boon Poh, berkata semua kawasan industri perlu mengikut syarat pembahagian zon pembangunan yang melebihi jarak 500 meter (m) dengan penempatan penduduk.

"Ketika ini, kerajaan Pulau Pinang melaksanakan zon penempatan mengikut kelas aktiviti perindustrian berdasarkan *Guidelines for Sitting and Zoning of Industries* yang dikeluarkan oleh JAS," katanya.

Di **Seremban**, setiap kilang di Negeri Sembilan disyaratkan menjalankan operasi sekurang-kurangnya 500m dari kawasan perumahan supaya tidak mendatangkan risiko kesihatan kepada penduduk.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan negeri, S Veerapan, berkata semua kilang sentiasa diingatkan mematuhi peraturan alam sekitar atau berdepan tindakan tegas.

"Kita boleh mengambil tindakan termasuk menghentikan operasi kilang mengikut Seksyen 38 Akta Kualiti Alam Sekitar 1974, manakala PBT boleh arah-

kan mereka berpindah ke lokasi lain.

"Di Negeri Sembilan, terdapat 2,556 premis kilang yang beroperasi dan 1,069 daripadanya menghasilkan sisa buangan yang akan dilupuskan secara berjadual di Tapak Pelupusan Bukit Nanas," katanya.

Sementara itu, Majlis Perbandaran Seremban (MPS) bertindak secara proaktif membentuk kerjasama dengan agensi lain, untuk memastikan tiada isu berkaitan pencemaran udara berlaku di daerah itu.

Yang Dipertuannya, Datuk Zazali Salahudin, berkata selain memantau semua kilang industri yang beroperasi dalam kawasan PBT itu, pihaknya turut bekerjasama dengan JAS, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Di **Johor Bahru**, kerajaan Johor akan melaksanakan kajian terperinci dan penstrukturan baharu zon penempatan kawasan perindustrian dengan penempatan penduduk di Pasir Gudang.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Johor, Dzulkefly Ahmad, berkata zon penempatan sedia ada memang sudah ditetapkan mengikut kategori industri yang dibangunkan, namun perkara itu perlu diteliti semua membabitkan kawasan Pasir Gudang.

Katanya, bagi mewujudkan zon penempatan industri yang lebih jauh jaraknya dengan penempatan penduduk khususnya di Pasir Gudang tidak boleh diputuskan dengan terburu-buru, sebaliknya memerlukan kajian dan penstrukturan semula.

"Walaupun kes di Taman Marwar yang terletak kira-kira enam kilometer dari Sungai Kim Kim tidak besar dan punca sebenar belum diketahui, langkah berjaga-jaga perlu diambil.

"Sudah sampai masanya kera-

jaan Johor mengambil tindakan holistik dan menyeluruh untuk pastikan Pasir Gudang selamat didiami," katanya.

Di **Shah Alam**, Pemantauan secara bersepadu dengan agensi lain menjadi amalan dalam mengurangkan isu pencemaran kilang di Selangor.

Pengarah JAS negeri, Shafe'e Yasin, berkata pihaknya mengambil tindakan proaktif dengan mengenal pasti punca yang berpotensi membawa pencemaran.

"Pemantauan ketat dilakukan untuk mengurangkan sehingga serendah mungkin kes membabitkan pencemaran, termasuk bahan kimia," katanya.

Di **Melaka**, JAS negeri akan mengenakan tindakan terhadap pemilik tanah di Pengkalan, Machap Jaya yang menjadikan kawasan itu sebagai tapak pelupusan dan pembakaran sampah terbuka.

Pengarahnya, Ramli Osman, berkata tindakan kompaun dikenakan ke atas pemilik tanah mengikut Seksyen 29A, selain notis arahan dikeluarkan mengikut Seksyen 31 dan 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 bagi memastikan kejadian sama tidak berulang.

"Kita menerima aduan pembakaran terbuka berlaku di hutan berhampiran Taman Lesung Batu Jaya membabitkan sisa buangan daripada tayar, plastik, dan kayu pallet," katanya.

Di **Kota Kinabalu**, Sabah tidak berdepan isu pencemaran serius yang dikaitkan dengan aktiviti perindustrian atau pembuangan sisa berjadual yang tidak mengikut peraturan.

Ketua Unit Aduan dan Perhubungan Awam JAS negeri, Roslina Diwa, berkata setakat ini kebanyakan kes yang dilaporkan lebih kepada masalah pencemaran biasa seperti asap hitam, habuk dan pembuangan minyak hitam.